

PKP BUKA PELUANG MAHASISWA BUAT DUIT

Oleh: Jannatul Makwa binti Sutikislan, 1172664,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Penularan wabak COVID-19 menyebabkan ekonomi dunia semakin merudum. Di sebalik musibah itu ada rahmat yang tersembunyi.

Perniagaan dalam talian semakin berkembang sekali gus membuka peluang kepada rakyat Malaysia untuk mencari pendapatan sampingan.

Golongan mahasiswa turut tidak ketinggalan dan sebahagian daripada mereka bergiat dalam perniagaan secara dalam talian untuk mencari pendapatan sampingan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kalau dahulu mereka keluar melepak bersama kawan-kawan selepas habis waktu kuliah, kini mahasiswa boleh mengisi masa lapang dengan menguruskan perniagaan dalam talian.

Jika kita lihat dari sudut positif, situasi ini sedikit sebanyak meningkatkan prestasi ekonomi digital berikutan permintaan yang tinggi oleh rakyat.

Menurut satu kajian kes oleh beberapa pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sehingga hari ini, Malaysia mempunyai kira-kira 25 juta pelanggan internet dengan lebih 42 juta pengguna telefon mudah alih.

Sebahagian daripada pelanggan internet tersebut adalah dalam kalangan mahasiswa sendiri. Menjadi satu kerugian jika mahasiswa tidak memanfaatkan peluang yang timbul untuk berniaga.

Apa yang menarik tentang berniaga dalam talian adalah ia tidak memerlukan modal yang begitu tinggi atau menyewa premis.

Cukup dengan melanggan data internet setiap bulan sudah boleh untuk menjalankan perniagaan yang berpotensi menjana keuntungan sekitar tiga hingga empat angka setiap bulan.

Media sosial juga boleh menghubungkan peniaga dan pelanggan dengan lebih mudah dan pantas.

Lebih-lebih lagi apabila rakyat Malaysia lebih banyak berhubung melalui internet kerana patuh dengan prosedur operasi standard (SOP) yang dikuatkuasakan.

Mahasiswa boleh memulakan perniagaan secara kecil-kecilan seperti menjual kosmetik, makanan ringan atau menjadi *dropship* mana-mana perniagaan terlebih dahulu.

Cari pengalaman untuk memupuk minat, potensi diri dan mengenal pasti permintaan pelanggan.

Melalui pengalaman tersebut, idea bisnes akan timbul untuk penjenamaan produk sendiri satu hari nanti sekali gus mampu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan universiti.

Menurut Ketua Ekonomi AmBank Research, Dr Anthony Dass, pengangguran golongan muda di Malaysia kekal pada kadar 10.8 peratus, lebih tinggi berbanding Singapura, Thailand, Vietnam dan India.

Jika ramai mahasiswa belajar berniaga lebih awal, mereka boleh mengurangkan kadar pengangguran dengan berniaga sambil menunggu peluang pekerjaan muncul nanti.

Sekiranya kita mengambil masa sejenak untuk memerhati dan merenung setiap kejadian dan reaksi yang timbul daripada krisis penularan virus COVID-19, maka kita akan dapati banyak hikmah dan kebaikan daripadanya yang boleh dijadikan teladan dan pengajaran.

Hikmah ini hanya akan dihargai oleh mereka yang dapat melihat krisis ini dengan lensa positif lagi terbuka.

Mahasiswa yang berfikiran kelas pertama seharusnya sentiasa melihat sesuatu ujian itu sebagai peluang untuk meningkatkan kemahiran diri.



